

Teo Eng Seng: We're Happy. Are You Happy?

Pengenalan

Teo Eng Seng terkenal dengan ciptaannya yang dikenali sebagai paperdyesculp, satu medium yang dihasilkan dengan membentuk papier-mâché yang diwarnakan dan mengguna pakai karton, kain serta bahan-bahan lain. Melalui lukisan, arca dan dedikasi Teo terhadap medium pulpa yang berusia berabad-abad dalam paperdyesculp, beliau mendalami kemungkinan bahan yang tidak terbatas dalam proses kreatifnya. Pameran ini menjejak praktik eksperimental dan sosial yang dipegang oleh seorang artis yang kariernya—merentasi tujuh dekad dan masih berlanjutan dengan rancak—ditakrifkan oleh praktis yang dinamik dan sentiasa berevolusi, serta keterbukaan radikal terhadap dunia di sekelilingnya.

Dengan menggabungkan objek dan bahan yang biasa dan dikenali, Teo mengekspresikan diri sebagai sesuatu yang sejati dan spontan. Dengan komposisi yang cerah dan susunan yang seolah-olah caca marba, karya-karyanya menampilkan nilai kelucuan yang tidak peduli, ironi dan kitsch, memperlihatkan perspektif sinisnya terhadap peristiwa peribadi, genre seni dan peristiwa bersejarah. Dengan bertanya soalan terbuka “Kita Bahagia. Apakah Anda Bahagia?” kita melihat representasi dari praktik yang lebih luas—untuk berinteraksi dengan negosiasi berterusan antara Diri dan Masyarakat dengan kejujuran dan kecerdasan.

Siapakah Teo Eng Seng?

Seorang seniman yang inovatif dan prolifik, Teo Eng Seng (lahir pada tahun 1938 di Singapura) telah memainkan peranan penting dalam perkembangan, advokasi serta pemeliharaan dunia seni tempatan di Singapura. Gaya seninya berakar umbi daripada resonansi yang sejati dan penuh emosi terhadap lingkungan luas tempat beliau tinggal, bekerja dan mengajar.

Walaupun Teo gemar bereksperimen dengan berbagai medium dan bahan seperti cat minyak dan sampah plastik, beliau paling dikenali dengan penemuan medium “paperdyesculp” — papier-mâché yang dicelup bercampur dengan bahan lain serta dibentuk menjadi karya seni. Beliau mengembangkan medium tersebut ketika bekerja sebagai guru seni di United World College South East Asia (UWCSEA), di mana beliau mengajar selama 25 tahun sebelum menjadi seniman sepenuh masa pada 1996.

Diakui sebagai salah satu “Perintis Abstraksi” oleh penulis dan kurator seni tempatan terkemuka, Constance Sheares, sumbangan Teo kepada gerakan seni global bergema seiring dengan seniman terkemuka lain seperti Cheong Soo Pieng, Thomas Yeo, Goh Beng Kwan, dan Anthony Poon. Pada 1986, beliau dianugerahi Pingat Budaya atas sumbangannya yang luar biasa dalam seni visual, khususnya untuk komitmen kepada pendidikan seni dan peranan penasihat dalam berbagai institusi seni dan jawatankuaa nasional.

Jangan Cuba Membacanya, Tatap, Rasai

Teo dikenali dengan pendekatan seninya yang integratif. Beliau mendalami pelbagai amalan, genre dan gerakan sebelum bertindak balas melalui eksperimen formalnya sendiri. Kaedah arca dan lukisannya adalah unik kepada diri beliau, namun tetap bergema dengan sesuatu yang pernah dilihat, didengar atau dirasai beliau. Bentuk-bentuk unik dalam karya Teo mencerminkan kepercayaan kepada kespontanan, dan sebagai seniman beliau menambahkan warna, bayangan dan bahan secara intuitif berbanding melalui perancangan awal.

Dalam amalan individu dan ketika mengajar, Teo terus memperluas batas pemikiran dan pembikinan seni, pertama melalui lukisan dan arca, dan seterusnya melalui paperdyesculp. Karya-karya beliau mencerminkan rasa yang baharu yang lahir tidak hanya daripada tradisi seni Barat, tetapi juga campuran bahan dan teknik sendiri yang mencerminkan pengalaman dan identiti Teo sebagai seniman Singapura. Sentimen ini dirakam dalam frasa “Jangan Cuba Membacanya, Tatap, Rasai”—yang juga merupakan tajuk salah satu karya beliau—sambil beliau memperjuangkan yang beremosi dan subjektif mengatasi pemikiran logik.

Teo terdedah kepada banyak genre modenisme semasa beliau menuntut di Singapura, London, dan Birmingham. Beliau mengadaptasi dan menggabungkan teknik daripada genre seperti abstraksi dan ekspresionisme abstrak, serta pelukis seperti Ashile Gorky, Jackson Pollock dan Barnett Newman. Dalam amalan seni beliau, Teo menemui idea-idea baharu yang dipengaruhi oleh wacana Barat mengenai seni dan estetika, pertama sekali sebagai tindak balas terhadap seni figuratif yang dikenali pada tahun-tahun awalnya, sebelum mengambil gaya lebih ekspresionis pada akhir 1960-an. Bagi beliau, keterbukaan terhadap konsep baharu dalam seni tidak melambangkan pengakhiran kepada tradisi seni atau cara melihat yang tertentu. Sebaliknya, ini memberi peluang kepada beliau untuk menyertakan karya beliau ke dalam jaringan sosial yang segar dan inklusif, lantas membebaskan karya-karya daripada tuntutan eksklusif untuk menamakan seorang pembikin.

Teo berkhidmat sebagai guru seni di United World College Singapura selama 25 tahun, dan beliau melihat kedua-dua mengajar dan membikin seni sebagai cara-cara mencapai tujuan yang sama. Kepercayaan ini juga tercermin dalam keasyikan beliau dengan tubuh manusia. Dengan karya-karya seperti Torso dan Five Nails, Teo mengolah bahan dan bentuk dengan cara yang menempatkan tubuh manusia dalam dialog dengan dunia sekeliling. Bagi beliau, bahan-bahan—merangkumi pelbagai media seperti minyak, pulpa, kain, gentian kaca—adalah untuk dianggap sebagai sambungan diri yang terikat oleh, tetapi tidak terhad kepada, bentuk manusia sebagai makhluk sosial.

Torso

1965

Emulsi atas kertas

Koleksi seniman

Karya ini dicipta ketika Teo menuntut di Birmingham, ketika beliau bereksperimen dengan melukis bentuk tubuh manusia tanpa pakaian. Melalui penggunaan olesan berani untuk menggambarkan torso wanita dan menyuntik dinamisme ke dalam bentuk fizikal, karya seakan-akan mempunyai resonans dengan kajian antropometri oleh seniman Perancis, Yves Klein. Fokus Teo kepada paparan nilai kelincuhan manusia merentasi seluruh karya, mendorong penonton untuk merenung hubungan antara bentuk dan tenaga dalam ekspresi seni.

Seperti Klein, Teo ingin melangkau kaedah melukis tradisional dengan mencipta jejak yang menurut irama semulajadi tubuh. Serentak, beliau menyertakan unsur kaligrafi, dengan olesan berus yang pantas dan menyerupai aksara Cina “公” (gong), yang merujuk kepada aspek komuniti dan dikongsi bersama satu identiti kolektif. Pilihan sengaja ini mencerminkan kepercayaan Teo terhadap seni sebagai usaha komunal, seraya menolak gagasan tentang pembikin eksklusif atau keterasingan artistik.

Unjuran Astral

1999

Buluh, gentian kaca dan tiub pendarfluor

Koleksi seniman

Dicipta daripada panel gentian kaca dan bingkai buluh antik, *Astral Projection* (“Unjuran Astral”) terdiri daripada empat panel yang menjadi hidup apabila lampu pendarfluor menyuluh gentian kaca, mencipta sinaran yang mencemaskan namun memikat. Butiran halus pada bingkai buluh mencipta siluet yang menonjol dengan latar yang bercahaya.

Dalam karya ini, bingkai merentas bentuk materi, menjadi gerbang luar biasa halus yang menyerupai portal ke alam bawah. Berhadapan dengan kematian dan batasan pilihan rasional, Teo mengundang penonton untuk merenung idea kemungkinan dan kerawakan. Memandangkan tindakan memilih sebuah gerbang mungkin bersifat sembarangan dan didampingi kesudahan yang tidak diketahui, karya juga berfungsi sebagai metafora tentang ketidakpastian hidup.

Lima Kuku

1991

Gentian kaca pada konstruksi wayar
Koleksi Muzium Seni Singapura

Monumen-monumen ini, yang menyerupai hujung jari raksasa, membuat penonton terasa kecil dengan bentuk yang melangit. Penampilan yang sederhana namun mengesankan mengimbau tugu—seperti takhta atau cenotaph—yang membangkitkan perasaan hormat, berjaga-jaga, atau renungan, bergantung kepada penonton.

Five Nails (“Lima Kuku”) mengimbau satu episod daripada novel klasik China, *Perjalanan ke Barat*, di mana Raja Monyet, Sun Wukong, cuba melarikan diri daripada telapak tangan Buddha dalam satu pertaruhan. Ketika Sun Wukong pertama kali melihat lima tiang raksasa, beliau berfikir bahawa telah menjelajah ke hujung alam semesta. Namun, beliau kemudian dimaklumkan bahawa tiang-tiang tersebut ialah jari-jemari Buddha, dengan cengkaman luas dan tidak dapat dihindari meskipun ada upaya untuk melarikan diri. Struktur-struktur yang mirip kuku panjang menyampaikan nada ketakutan dan ancaman dari masa lalu dan fikiran bawah sedar manusia, meletakkan penonton dalam posisi Sun Wukong yang terlibat dalam sesuatu yang jauh lebih besar dan hebat daripada diri mereka sendiri.

Teks subseksyen: Teo pernah dengan jenaka menggambarkan proses penemuan medium ciptaannya yang diberi nama "paperdyseculp" sebagai "menukar sampah menjadi emas". Medium yang serba boleh dan boleh dipercayai ini merupakan representasi visi artistik Teo secara keseluruhan, di mana bahan-bahan biasa seperti kertas dan objek yang ditemui diubah menjadi karya seni. Bahan yang dianggap Teo sebagai lanjutan aktif diri, paperdyseculp memperlihatkan proses yang mudah dan organik: daripada penghimpunan bahan-bahan secara spontan sehingga penuaan perlahan-lahan pulpa, kayu, dan kain.

Karya-karya yang dipamerkan di sini ialah objek yang hidup dan bernafas. Permukaan bukan rata dan halus, tetapi kasar dan berlekuk. Beberapa karya memiliki hujung yang bergerigi dan keriput yang kelihatan agak mengancam, persis simulasi sejenis formasi biologi. Pembuatan paperdyseculp itu sendiri memerlukan tindakan tubuh. Setelah menyatukan rebusan pulpa yang dimasak dengan kanji, Teo menambahkan bahan-bahan lain seperti bunga, daun dan serat-serat semulajadi. Kemudian beliau mengacau campuran tersebut, seringkali menggunakan berat badan penuh untuk menggabungkan bahan-bahan ini menjadi ramuan kental. Medium dan teknik menjadi lebih terasa dengan kelincahan gerakan-gerakan ini; jejak tubuh beliau terselit dalam proses dan produk artistik.

Multipleks

1992

Paperdyesculp dan kanvas pada sistem buta
Koleksi Galeri Nasional Singapura

Dibuat daripada satu set langsir terpakai yang diselamatkan artis daripada dibuang, *Multipleks* ("Multipleks") pada mulanya bertujuan menggalakkan penyertaan penonton. Di sini, pelbagai sudut dua kertas pewarna yang berbeza dizahirkan dengan memutarakan penutup.

Dalam menasihati cara karya dipamerkan, Teo meminta supaya karya berdiri sendiri. Bidai menegak harus kelihatan pada kedua-dua sisi, dan harus terapung di atas bingkai dengan cara yang serentak menggambarkan datar dan tiga dimensi. Sementara satu sisi memaparkan imej yang sepadu menyerupai rangkaian gunung, sisi lain menampilkan tompokan warna yang secara tiba-tiba dan tidak teratur dipotong dari satu bidai ke yang seterusnya, lantas mengimbau kepelbagaian perspektif manusia.

Jangan Cuba Membacanya, Tatap, Rasai

1986

Paperdyesculp pada kertas
Koleksi Galeri Nasional Singapura

Dalam "Jangan Cuba Membacanya, Tatap, Rasai", teks dan imej bertemu untuk membentuk naratif artistik Teo. Sebagai seseorang yang dididik dalam bahasa Inggeris dan mempunyai keakraban terbatas dengan aksara Cina, Teo mempersembahkan tafsiran peribadi terhadap kaligrafi Cina dengan cara yang merendahkan diri yang menunjukkan kurangnya kemahiran dalam bahasa ibundanya sendiri.

Daripada mentafsirkan teks, Teo memberi tumpuan kepada aspek visual aksara—seperti komposisi, irama, dan aliran. Aksara-aksara itu sendiri sengaja dibuat supaya tidak boleh dibaca oleh dirinya dan penonton. Dengan menjemput kita untuk berinteraksi dengan intipati aksara melalui deria dan intuisi, Teo mencabar idea tradisional yang berkaitan dengan penguasaan Bahasa Cina. Dengan cara ini, Teo menyampaikan kuasa transformasi bentuk visual yang melampaui apa yang dapat dicapai oleh bahasa.

Pilihan Maharaja

1981

Kertas pewarna arca pada kanvas

Koleksi artis

Pertama kali dipamerkan pada 1981 dalam pameran solo Teo yang bertajuk *Turning Point* ("Titik Perubahan") di Galeri Alpha, *Emperor's Choice* ("Pilihan Maharaja") membawa penonton kepada kesamaran sebuah imej. Adakah bentuk di tengah kanvas itu lidah, atau hujung jubah?

Sifat paperdyesculp yang sangat lentur menghasilkan sebuah karya seni yang memfokuskan sifatnya yang tidak tentu, namun Teo juga telah meletakkan gumpalan kecil pulpa yang menyerupai tunas rasa, hampir seolah-olah memberi petunjuk tentang kehadiran bentuk yang semakin dibentuk. Adakah ini boleh dianggap sindiran terhadap cerita rakyat "Pakaian Baru Maharaja": untuk mempersoalkan dengan jujur apa yang seseorang lihat sebagai sesuatu yang sesuai dengan selera mereka, walaupun perbuatan itu sendiri mungkin tidak menyenangkan atau tidak popular?

Jaring (Pasti Sungai Singapura)

1986

Paperdyesculp pada jaring

Koleksi Galeri Nasional Singapura

Instalasi ini terdiri daripada jaring ikan yang kusut dengan sisa-sisa yang diperbuat daripada paperdyesculp. Seperti yang tersirat dalam tajuknya, *The Net (Most Definitely Singapore River)* ("Jaring (Pasti Sungai Singapura)"), dicipta sebagai respons sinis terhadap penggunaan berlebihan subjek Sungai Singapura oleh para seniman di Singapura. Menongkah arus paparan penuh romantik dan nostalgia sungai tersebut pada masa itu, Teo memilih untuk menggambarkan sampah yang mencemarinya pada 1970-an dan 1980-an. Bagi Teo, tindakan representasi memerlukan kekasaran dan kespontanan, kualiti yang didapati dalam penciptaan semula sisa dan detritus yang terperangkap dalam jaring.

Sekutu?

2002

Paperdyesculp

Koleksi artis

Partners? ("Sekutu?") ialah respons terhadap serangan terhadap Iraq pada 2001, khususnya merujuk pada kerjasama antara AS dan UK dalam konflik tersebut. Dengan arca yang berdiri secara tidak stabil di atas himpunan wang kertas dolar AS, karya ini menarik perhatian kepada bagaimana serangan tersebut membiayai kompleks industri-ketenteraan Amerika, memberi manfaat kepada kontraktor pertahanan utama yang menyediakan senjata untuk serangan tersebut, serta para anggota kongres yang dilobi oleh mereka. *Partners?* berbicara tentang bagaimana keinginan untuk keuntungan dapat mendorong berbagai pihak supaya bersekongkol dalam kekerasan yang tak terbayang, nada pertanyaan dalam tajuk karya mengimbau sifat menyorok di sebalik helah tindakan tersebut.

Percakapan Manis, Percakapan Terus Terang

Teo menganggap diri beliau sebagai warganegara dunia dan sangat peka terhadap kejadian-kejadian sosiopolitik di seluruh dunia, termasuk Perang Indochina Kedua dan konflik Arab-Israel yang lebih luas di Timur Tengah. Kesedaran ini nyata dalam respons artistic beliau terhadap perkembangan dan isu-isu lokal di Singapura: migrasi urban, ledakan ekonomi, kegawatan dan operasi keamanan, antara lain. Sepanjang pameran, kita melihat sejenis “percakapan terus terang”—luahan

keberanian dan ketabahan yang dibuat melalui penampilan bentuk-bentuk dalam lukisan dan patung tanpa batasan. Namun, ini juga diimbangi dengan “percakapan manis,” di mana humor, ironi, dan kitsch memenuhi amalan seni Teo, memperlihatkan perspektif sinis terhadap isu-isu dunia dan domestik, genre seni, dan peristiwa peribadi. Jadi, “percakapan terus terang” yang tidak berlapak berjalan seiring dengan ketulusan “percakapan manis”.

<i>Percakapan Manis</i> 2009 Akrilik pada kain Koleksi Galeri Nasional Singapura	<i>Percakapan Terus Terang</i> 2009 Akrilik pada kain Koleksi Galeri Nasional Singapura
--	---

Sweet Talk (“Percakapan Manis”) dan *Straight Talk* (“Percakapan Terus Terang”) adalah dua karya yang dipamerkan di pameran solo Teo pada 2011, *Experiential Recalls*. Mengambil inspirasi dari seniman ulung seperti Rembrandt, Teo dengan halus melapisi olesan berus bebas untuk membangkitkan sifat materi dan kedalaman. Teo juga meminta isteri beliau, Diana, untuk meremukkan dan menjahit kain bersama-sama, dengan itu menyuntik tekstur dan sifat taktil kepada lukisan minyak dua dimensi tersebut.

Walaupun karya-karya tersebut kelihatan abstrak, tajuk-tajuk pilihan Teo menarik. Tajuk yang diberi mencerminkan penglibatan Teo

yang berterusan dengan peristiwa dunia, rantau, dan domestik yang menarik minat beliau. Keberanian langsung “straight talk” dibalas dengan “sweet talk,” atau tindakan memujuk seseorang dengan menggunakan kelucuan dan pujian. Walaupun Teo mengambil pendekatan yang sinis dan ironis dalam perspektif beliau terhadap peristiwa dunia, beliau juga kritis terhadap bagaimana naratif-naratif ini dikawal oleh para penguasa, termasuk politikus dan media yang menadahkan “kata-kata manis” kepada orang awam untuk mengubah pendapat awam. Kedua-dua sisi hubungan ini terikat dalam rangkulan konflik, meletakkan mereka dalam perhubungan tegang yang terus-menerus.

Teks subseksyen: Perjalanan artistik Teo mencerminkan respons mendalam terhadap peristiwa bergolak pada separuh kedua abad ke-20. Dengan menyentuh topik konflik serantau seperti perang Arab-Israel dan pergolakan di Myanmar, serta detik bersejarah seperti pendaratan manusia di bulan Apollo 11 dan pembunuhan John Lennon, seni Teo berfungsi sebagai respons syahdu terhadap berbagai peristiwa, gejala dan realiti yang membentuk dunia kita.

Tema humanisme dan ekspresi peribadi ialah tunjang etos artistik Teo. Berlandaskan kepercayaan kepada kebebasan individu dan tanggungjawab sosial, pendekatan

Pembunuhan Beramai-Ramai di Mylai
(*Selepas Haeberle*)
1970
Minyak pada kanvas
Koleksi Galeri Nasional Singapura

Massacre at Mylai (After Haeberle's)
("Pembunuhan Beramai-Ramai di Mylai (Selepas Haeberle)") merujuk kepada sekeping gambar yang diambil oleh jurugambar perang, Ronald L. Haeberle pada Mac 1968. Foto tersebut menggambarkan adegan selepas pembunuhan dan kekejaman terhadap orang awam oleh tentera AS di My Lai, Vietnam Selatan. Ini adalah salah satu daripada tiga lukisan Teo yang menggambarkan Perang Indochina Kedua. Karya memaparkan longgokan badan yang binasa, digambarkan menggunakan garisan hitam yang keras dan bentuk-bentuk serpihan dengan latar belakang merah yang garang. Teo memotong imej asal Haeberle dalam komposisi ini, mendekati adegan kekerasan kepada penonton dalam pertembungan yang menyambar perhatian.

Teo mendorong beliau untuk terus menerobos batas dan mencabar norma-norma masyarakat. Sebagai ahli generasi pasca-perang yang mengemudi dunia yang diglobalisasikan dan dibentuk oleh warisan penjajahan dan ketegangan Perang Dingin, karya Teo bergelut dengan kekompleksan zaman tersebut. Dipengaruhi oleh isu sosial, praktik beliau mentakrif semula peranan artis, menekankan penglibatan aktif dan mentafsirkan semula peristiwa kontemporari melalui medium dan naratif visual yang pelbagai. Dengan cara ini, seni Teo menjadi perantara dialog berterusan antara identiti individu dan naratif masyarakat.

WMD?
2005
Keluli, Helm Kevlar dan Kayu
Koleksi artis

WMD? dihasilkan sebagai respons kepada serangan AS terhadap Iraq pada 2003, yang bertujuan menumbangkan kerajaan Saddam Hussein. Amerika Syarikat mempertahankan tindakan menyerang dengan mendakwa bahawa Iraq memiliki senjata pemusnah besar-besaran (WMD), walaupun bukti keberadaan stok senjata tersebut tidak ditemui.

Karya menampilkan unsur utama yang besar dan diperbuat daripada topi keledar Kevlar dan silinder logam terbuang, yang mirip falus dan peluru berpandu. Unsur yang sama menyerupai sebuah rambu pemecah yang digunakan untuk menembusi pintu gerbang kota dalam peperangan zaman kuno. Melalui simbolisme berbilang aspek ini, Teo mengkritik sistem kelelakian dan ketenteraan yang saling berhubung kait dalam mengetengahkan kekerasan dalam urusan antarabangsa. Dengan menyajikan tajuk karya sebagai pertanyaan yang belum terjawab, Teo mengajukan soalan tentang tanggungjawab dalam dunia politik global.

Pendaratan Bulan: Perigi Keinginan
1981

Kertas pewarna arca pada kanvas
Koleksi Galeri Nasional Singapura

Moon Landing: "The Wishing Well"
("Pendaratan Bulan: "Perigi Keinginan") dihasilkan dua belas tahun selepas pendaratan bersejarah Apollo 11 ke bulan, suatu detik yang memberi kesan mendalam kepada Teo. Beliau melihat langkah pertama Neil Armstrong di permukaan bulan sebagai suatu peristiwa ulung, baik dari sudut politik—kerana ia mengukuhkan kedudukan Amerika sebagai pemimpin global dalam Perlumbaan Angkasa dengan Kesatuan Soviet—dan juga secara simbolik, menunjukkan keupayaan manusia untuk menjelajah ke angkasa lepas.

Dalam karya ini, Teo berhasrat menyingkap kepentingan peristiwa bersejarah tersebut dengan mencerminkan imej ikonik bendera AS pertama yang ditanam di bulan. Di sini, ia dipadankan dalam perbualan dengan satu lagi karya, *American Flag* ("Bendera Amerika"). Bersama, karya-karya ini menunjukkan penggunaan teknologi yang berbeza dalam Perang Dingin, menonjolkan bagaimana inovasi sains memanfaatkan industri perang sambil memperluas batas pengetahuan manusia dan penerokaan angkasa pada masa yang sama.

Penghormatan kepada John Lennon
1980

Paperdyesculp dan wul pada kanvas di atas papan lapis
Koleksi Galeri Nasional Singapura

Tribute to John Lennon ("Penghormatan kepada John Lennon") adalah salah satu karya awal Teo yang menggunakan teknik paperdyesculp, dan diilhamkan oleh kontras antara objek batuan dan kelopak bunga raya. Tekstur kasar dan beralun dari paperdyesculp ditonjolkan dengan renda bulu, lalu menimbulkan kesan kekasaran dan kerapuhan sekaligus.

Karya ialah respons kepada pembunuhan seniman Inggeris, John Lennon pada Disember 1980. Bagi Teo, penghormatan kepada John Lennon meluahkan kerapuhan hidup, serta rasa hormat beliau terhadap Lennon sebagai seniman dan simbol perdamaian.

Mengenal pasti sebagai artis Singapura, Teo sering meneroka tema tempatan, daripada mengkritik sistem neoliberal dan kitaran kewangan dalam *Boom Time* (“Masa Boom”) dan *We’re Happy. Are You Happy?* (“Kami Bahagia. Anda Bagaimana?”) untuk mencerminkan budaya pakai buang moden dan peranan mitologi Cina dalam *Retribution before Reincarnation* (“Balasan sebelum Penjelmaan Semula”). Karya-karya ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform untuk ulasan masyarakat Teo, tetapi juga mendedahkan hubungan peribadinya yang mendalam dengan subjek.

Sebagai seorang seniman provokateur, Teo dengan berani menentang norma-norma yang telah ditetapkan, terutamanya dalam lingkungan budaya Singapura yang terkawal.

Kami Bahagia. Anda Bagaimana?
1997

Paperdyesculp, sangkar burung dan kain
Koleksi Muzium Seni Singapura

Dalam karya ini, Teo menggabungkan objek siap pakai dengan teknik paperdyesculp. Beliau menghiasi sangkar burung terpakai dengan potongan kertas yang menyerupai tiang klasik Yunani, menimbulkan kesan kemewahan yang dikaitkan dengan rumah mewah di kejiranan-kejiranan golongan kaya di Singapura. Burung-burung dalam karya terperangkap dalam sangkar yang disadur emas, kehidupan haiwan tersebut perlahan-lahan berlalu sambil mencari kenyamanan dalam penjeratan. Di sini, Teo menyelami percanggahan dalam gaya hidup mewah, dan menonjolkan pertukaran antara kenyamanan materi dan kebebasan peribadi.

Dihasilkan ketika Krisis Kewangan Asia pada penghujung 1990-an, karya ini juga menawarkan renungan kritis mengenai ketidaksamaan dan perbezaan antara kelas-kelas sosial di Singapura. Ini mendorong penonton untuk merenungkan kekompleksan kekayaan, hak istimewa dan pencarian luahan yang asli di tengah budaya pragmatisme.

Evolusi seni beliau seiring dengan gerakan seperti The Artists Village (TAV), di mana Teo terlibat dalam diskursi kritis bersama rakan-rakan seangkatan seperti Tang Da Wu dan Cheo Chai Hiang. Teo dan rakan-rakan seangkatan mencari jalan yang melampaui konsep artistik konvensional: seperti gagasan “seni untuk seni” dalam abstraksi, atau kepercayaan bahawa “seni adalah untuk masyarakat” apabila membicarakan topik realisme sosial. Eksplorasi Teo melampaui konsep-konsep yang diterima pakai sebelum ini. Sebaliknya, karya-karya beliau mencerminkan pencarian pemahaman yang lebih bernuansa tentang sifat manusia dan peranan nilai-nilai estetik, dengan harapan untuk memberdayakan masyarakat agar berubah menjadi lebih baik.

Ah Wah dan Ah Kiat: Melintas Sempadan
2001

Konkrit bertetulang kaca
Koleksi Galeri Nasional Singapura

Terdiri daripada 200 figurin konkrit yang dipasang pada motosikal dan disusun bersama dalam ruang yang sempit, *Crossing Borders* (“Melintas Sempadan”) menggambarkan perjalanan harian pekerja melintasi Tambak Johor-Singapura. Figura-figura ini menyingkap jumlah orang yang banyak yang melengkapkan perjalanan susah payah melintasi sempadan. Keseragaman dalam rupa figura—kesemuanya diperbuat daripada hanya dua jenis acuan—menjadikannya mirip massa kolektif manusia.

Di tengah-tengah ratusan figura konkrit terdapat dua figura emas, memecahkan suasana monoton dan menekankan nilai individu setiap figura. Melalui karya ini, Teo secara simbolik mengungkapkan nilai semulajadi setiap pekerja harian yang terus bergerak sambil dipacu kudrat yang dicurah demi masyarakat.